



# KUASA ORANG MUDA **TOOLKIT**

## BAHAGIAN 1: **PERTAMA KALI MENGUNDI?**

Berita baik! Perlembagaan Persekutuan telah meluluskan had umur 18 tahun ke atas untuk anda terlibat sepenuhnya dalam proses demokrasi negara iaitu mengundi pada pilihan raya.

Pada 2019, Malaysia menyertai sekumpulan negara termasuk Filipina, Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand dan Vietnam yang membenarkan golongan muda berumur 18 tahun ke atas untuk mengundi. Berbeza dengan Singapura yang hanya membenarkan had umur 21 tahun ke atas, manakala had umur bagi pengundi di Indonesia jauh lebih muda iaitu mereka yang berumur 17 tahun.

Ramai pihak telah berjuang selama ini untuk memastikan anda mempunyai hak ini. Oleh itu, kita tidak boleh mensia-siakan ‘kuasa’ ini dan menggunakan dengan bijak. Bak kata Spiderman, “With great power comes great responsibility”.

Toolkit ini adalah panduan kendiri untuk membantu anda menjadi warganegara yang aktif demi masa depan negara. Anda tidak perlu membaca semuanya, pilih perkara yang paling menarik minat anda dan apa yang anda ingin tahu.

Jadi, jom ambil tahu tentang ‘kuasa’ di tangan anda!



## Fasa 1: Sebelum Mengundi

1. Semak lokasi mengundi anda. Lokasi anda boleh disemak di portal SPR atau melalui aplikasi MySPR
2. Kenalpasti calon kawasan anda. Boleh buat carian maklumat di google atau gunakan website MyMP (<https://mymp.org.my/>)
3. Tinjau dan hadir di lokasi calon anda berkempen.

The screenshot shows the MyMP website homepage. At the top, there is a search bar with placeholder text "Cari MP anda melalui nama, nombor kerusi atau kawasan terhubung". Below the search bar, there is a section titled "MPs of the Day" featuring six cartoonish portraits of MPs. Each portrait includes the name of the MP and their constituency. Below this section are three large buttons: a grey one with a magnifying glass icon, a teal one with a gear icon, and an orange one with a thumbs-up icon.

Kenali MP terpilih anda dengan teliti

Cari MP anda melalui nama, nombor kerusi atau kawasan terhubung

MPs of the Day

MP	Kerusi
Ku Abdul Rahman Bin Ku Ismail	④ Kubang Pasu
Sh Mohamed Puzi Sh Ali	④ Pekan
Aminohuda Bin Hassan	④ Sri Gading
Hassan Bin Abdul Karim	④ Pasir Gudang
Abdul Khalib Abdullah	④ Rompin
Wee Ka Siong	④ Ayer Hitam

The screenshot shows the "SEMAKAN DAFTAR PEMILIH" (Checklist of Electors) page from the MySPRSemak website. The page has a purple header with the MySPR logo and the text "MySPR Semak" and "Semakan Daftar Pemilih". The main content area contains a form with instructions to enter identification numbers and a CAPTCHA field. There are two buttons at the bottom: "Semak" (Check) and "Tetapan Semula" (Recheck).

Sila masukkan No. Kad Pengenalan (cth: 98xxxxxxxx) / No. Perkhidmatan Tentera (cth: Txxxxx) / No. Perkhidmatan Polis (cth: RFxxxxx/RFxxxxx/Gxxxxx). (Tanpa "-" atau prak)

No. Kad Pengenalan/No. Perkhidmatan (Tentera/Polis)

CAPTCHA


Akara Captcha: 17489

Semak Tetapan Semula

Gunakan laman web atau aplikasi MySPR Semak untuk menyemak lokasi mengundi anda.

## Fasa 2: Hari Mengundi

1. Pastikan anda pergi ke tempat mengundi antara 8 pagi hingga 5 petang. Tempat mengundi akan tutup pada jam 5 tepat. Jadi ingat untuk pergi awal, atau sekurang-kurangnya 30 minit sebelum jam 5 petang.
2. Bawa Kad Pengenalan (IC) anda!
3. Terus ke pusat mengundi anda dan ikut arahan orang bertugas SPR di sana. Jangan menghalang sesiapa dari mengundi. Dan jika sesiapa cuba menghalang anda dari mengundi, laporkan kepada polis.
4. Tiada sesiapa yang boleh berkempen dalam 50 meter dari pusat mengundi. Jika anda nampak sesiapa yang sedang berkempen pada hari mengundi, maklumkan kepada polis berhampiran.
5. Langkah-langkah dalam bilik mengundi adalah seperti ini:



## Fasa 3: Selepas Mengundi

1. Ambil tahu dan terus ikuti perkembangan keputusan semasa.
2. Ikutilah keputusan pilihanraya di laman web rasmi SPR atau berita rasmi yang sah.
3. Hati-hatilah dan jangan menyebarkan berita palsu.



SCAN QR CODE INI  
UNTUK MENONTON  
VIDEO DI ATAS,  
ATAU LAYARI:

[bit.ly/pertamakalimengundimlstudios](http://bit.ly/pertamakalimengundimlstudios)

## KISAH SHAFYQAH AZAHAR DI HARI MENGUNDI PRU15

Sepatutnya saya dah dua kali mengundi masuk kalini, tapi disebabkan 5 tahun lepas nama tak naik dek lambat pergi daftar so ni lah kali pertama dan terakhir saya mengundi di P005 Jerlun hehe sebab apa kali terakhir? kalau ada yang tahu saya memang dah jadi rakyat Negeri Sembilan dan sekarang so saya decide untuk tukar alamat di IC ke alamat sini walaupun ramai cakap sayanglah kalau tukar bla bla yeeee sayang tapi susah bila mengundi asing-asing hahaha tak reti duk jauh dengan husband hmm

Saya balik ke Kedah dengan bas, naik khamsis malam dan sampai jumaat pagi. macam biasa, bas pilihan saya Intercity walaupun kena sidai sejam lebih haha tapi takpa sebab bas tu selesa gila! sebelum nak bergerak ke terminal bas tu tergerak jugak di hati taknak balik hahaha tapi sebab dah janji dengan orang sana nak bertugas sebagai ejen tempat mengundi so dengan berat hatinya balik jugak.

Disebabkan saya bertugas di saluran saya iaitu saluran 4 so lepas saya selesai jalankan tugas saya, saya terus mengundi haha. kejap je, tak sampai 5 minit sebab laju je semua, anak anak muda kan hahaha dah settle mengundi pergi makan kejap sebab kena masuk lagi sekali lepas tu.



Masa last saya jaga tu, tinggai 100 lebih je lagi yang takdatang mengundi daripada 600++ terkejut jugak dengan geng anak muda ni hahhaa seawai pukul8 dah datang, pastu tak henti henti pulak tu datang. masa 5 tahun lepas saya jadi juga ejen tempat mengundi ni tapi tak serancak PRU 15 hahaha

Lepas dah settle semua, saya pun balik. letih jugak tapi seronok! walaupun parti kitaorang tak menang, its ok hahahaha. ni lah pengalaman mengundi di tempat sendiri, lepas ni nak tukar alamat sini dah, tahu la sempat ke tak nak mengundi DUN kat sini, harap harap sempatlah!

SUMBER: <http://www.shfyqazhr.com/2023/01/pengalaman-pertama-kali-mengundi-dan.html>



011 - 5641 9519



@impactmsia



@impactdotmy



@impactdotmy



@impactmalaysia



connect@impact.my

Spacerubix, Jalan TPP 1/7, Taman Perindustrian Puchong, 47100 Selangor.